

19 AUG 2001

Keng Yaik-Gerakan

KENG YAIK SELAR KETUA CAWANGAN DAN BAHAGIAN TIDAK LAKSANA TANGGUNGJAWAB

PULAU PINANG, 19 Ogos (Bernama) -- Presiden parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini menyelar ketua-ketua cawangan dan bahagian parti itu yang tidak mampu melaksanakan tanggungjawab dengan baik tetapi masih mahu memegang jawatan mereka.

Katanya kepimpinan parti kecewa dengan golongan seperti itu dan mereka sepatutnya memberi laluan kepada orang lain untuk mengambil alih kepimpinan cawangan atau bahagian mereka.

Terdapat beberapa pemimpin peringkat cawangan dan bahagian parti yang begitu lemah sehingga tidak mampu untuk menunaikan tanggungjawab untuk menghadiri persidangan perwakilan yang diadakan sekali dalam setahun, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Tahunan Gerakan negeri di sini, hari ini.

Lim juga berkata kehadiran pada persidangan negeri di Pulau Pinang sebenarnya mendukacitakan dengan hanya 72 peratus daripada 172 perwakilan dan ia mencerminkan sikap pemimpin bawahan yang tidak mampu menunaikan tanggungjawab walaupun telah dipilih sebagai ketua.

"Terdapat pemimpin di cawangan-cawangan tertentu yang tidak mampu untuk menjalankan tugas dengan baik tetapi masih menyekat penyertaan anggota baru kerana bimbang jawatan mereka akan tergugat," katanya.

Lim berkata tindakan ketua-ketua cawangan yang mengamalkan dasar tutup pintu adalah bertentangan dengan usaha parti menambahkan lagi keanggotaan dan mendapatkan tenaga baru dalam parti.

Gerakan, katanya, memerlukan tenaga baru dalam parti bagi menghadapi senario politik negara yang semakin mencabar sekarang.

Beliau berkata kepimpinan pusat parti akan menggunakan kuasa perlembagaan bagi mengambil mana-mana anggota baru yang berminat untuk menyertai mana-mana cawangan yang mereka minati.

"Gerakan pusat akan menyerap anggota baru terutamanya golongan wanita dalam mana-mana cawangan atau bahagian yang mengunci pintu keanggotaan mereka," katanya.

Beliau mendakwa ada ketua cawangan yang tidak mampu melaksanakan tanggungjawab tetapi masih mahu memegang jawatan kerana mempunyai matlamat peribadi seperti mendapatkan projek-projek kerajaan dan pingat kebesaran.

Lim berkata sikap mereka sebenarnya boleh merosakkan negara kerana asyik dengan kepentingan peribadi tetapi tidak sedar bahawa negara sedang menghadapi pelbagai ancaman.

Sementara itu, Lim mengumumkan bahawa tarikh Persidangan Perwakilan Gerakan pusat, yang sepatutnya berlangsung pada 22 dan 23 Sept ini, ditunda kepada 29 dan 30 Sept atas permintaan Pejabat Perdana Menteri.

Katanya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai jadual yang padat pada hari berkenaan dan ia ditunda bagi membolehkan perdana menteri merasmikan persidangan berkenaan.

Terdahulu, dalam ucapan perasmian persidangan Gerakan negeri, Lim berkata semua anggota parti harus sedar bahawa kepimpinan negara sedang menghadapi ancaman politik, ekonomi dan sosial termasuk cadangan PAS yang mahu jadikan Malaysia sebuah negara Islam.

"Cadangan PAS adalah begitu ekstrim dan anggota parti harus berusaha memastikan cara dan nilai kehidupan masyarakat pelbagai kaum yang telah diperkenalkan oleh kerajaan sejak tercapainya kemerdekaan harus dikekalkan buat selama-lamanya," katanya.

Negara juga sedang menghadapi cabaran saingan pelaburan di peringkat

antarabangsa ekoran kegawatan ekonomi dan kos buruh yang meningkat di negara ini.

"Rakyat harus bekerja kuat dengan menjadi pekerja mahir dan berilmu kerana ia menjadi satu strategi untuk menarik pelaburan," katanya.

Selain itu, ancaman sosial harus diberi perhatian oleh parti kerana ramai remaja Malaysia sekarang terjebak dengan pengaruh negatif seperti Black Metal dan video lucah.

Lim berkata pengaruh negatif itu akan merosakkan pemikiran anak muda dengan negara akan kehilangan pekerja yang mahir dan berilmu jika anak-anak mudanya menjadi rakyat tidak mempunyai nilai.

Sementara itu, Pengerusi Gerakan negeri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dalam ucapannya berkata kerajaan di bawah kepimpinan Gerakan telah melaksanakan tanggungjawab yang sebaik mungkin bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat negeri ini.

Koh, yang juga Ketua Menteri, berkata kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat termasuk menyediakan rumah mampu beli kepada golongan sederhana manakala projek perumahan rakyat pula dilaksanakan oleh kerajaan pusat.

-- BERNAMA

AZE NAK